

BEBERAPA INSTRUMEN DAN TAKTIK UNTUK MENGUKUR HARGA DIRI (PART 7)

Assoc. Prof. Dr. Azizi Hj Yahaya

3.2 Skala Bahan Rangsangan Tunggal (*Single-stimulus rating scales*)

Instrumen ini memerlukan responden bertindakbalas terhadap satu rangsangan sahaja (berbentuk senarai semak). Responden akan bertindakbalas terhadap rangsangan berbentuk gambaran dengan menyatakan sama ada ianya sesuai atau tidak. Terdapat dua kategori untuk skala pemeringkatannya iaitu sesuai atau tidak sesuai, ya atau tidak dan sebagainya.

Instrumen yang terkenal berbentuk seperti ini ialah Inventori Harga Diri Coopersmith (*Coopersmith's Self-Esteem Inventory*) (1967), Skala Konsep Kendiri Piers-Harris (*the Piers-Harris Self-Concept scale*) (Piers and Harris, 1964), Senarai Semak Adjektif (*the Adjective Checklist*) (Gough and Heilbrun, 1965) dan Inventori Personaliti California (*the California Personality Inventory*).

Skala perkadaran mungkin melibatkan hampir kesemua nombor. Tujuh selalunya ialah nombor maksima walaupun terdapat juga pengkaji seperti Stotland dan Zander (1958) dan Sherwood (1965) yang menggunakan skala 11. Skala yang paling kerap digunakan ialah skala 5 (kadangkala 4) seperti yang digunakan oleh Likert. Kesemua nombor yang digunakan ini mewakili betapa betul atau sesuainya sesuatu huraian mengenai responden terbabit.

Contoh yang paling kerap digunakan ialah skala 5 Indeks Penyesuaian Bill (*the five-point Bills' index of Adjustment and Values*) (Bills et al 1951), 4 Skala Harga Diri Rosenberg (*Rosenberg's four-point Self-Esteem Scale*) (1965), Ukuran Perasaan Serba Kekurangan Janis dan Field (*Janis and Field Feelings of Inadequacy Measure*) (Janis dan Field, 1959; Eagly, 1969) dan juga Skala Cathexis Diri Jourard (*Jourard's Self cathexis scale*) (1957).

Ujian Dua Puluh Kenyataan (*Twenty Statement Test*) adalah instrumen berbentuk terbuka (*open ended*). Ia merupakan ujian di mana satu set soalan (20) diberi. Individu dikehendaki mengisi tempat kosong mengenai "Siapa Saya?" (*"Who Am I?"*) (Spitzer et. Al (1972). Individu dikehendaki menjawab dalam masa yang telah ditetapkan dan jawapan adalah berbentuk terbuka.

CONTINUE...